

HUKUM RAWATAN PEMULIHAN DARA

Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir

PENDAHULUAN

Dalam perubatan tradisional, terdapat pelbagai kaedah bagi merawat alat sulit wanita. Tangas ialah antara kaedah tradisional yang diamalkan dalam masyarakat. Manakala rawatan pemulihan dara merupakan kaedah baru bagi merawat selaput dara yang sudah rosak. Bagaimana panduan hukum dalam kaedah rawatan ini samada ia dibenarkan dalam hukum syarak atau tidak.

Bagi sebahagian masyarakat, dara seorang wanita yang belum pernah bernikah adalah perkara yang penting. Ia adalah lambang kesucian seorang wanita. Wanita yang sudah kehilangan dara sebelum pernikahan memberi maksud bahawa wanita tersebut telah melakukan perbuatan terkutuk. Walau bagaimanapun, kebebasan hidup yang menjadi budaya telah menghakis maruah diri dengan tidak lagi mempedulikan perkara tersebut. Maka dara tidaklah lagi dianggap sebagai benda yang penting bagi sebahagian masyarakat. Walau bagaimanapun, masih wujud golongan masyarakat yang mengambil berat akan kepentingan dara seseorang wanita.

KEHILANGAN DARA

Kehilangan dara tidak berlaku dengan semata-mata pernikahan. Oleh itu, seorang wanita yang bercerai samada cerai hidup atau cerai mati tetapi belum sempat melakukan hubungan kelamin dengan suaminya masih dikira mempunyai dara. Wanita begini tidak mempunyai 'iddah. Firman Allah :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَكْحَتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوْهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعَدُّوْهُنَّ فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحًا حَمِيلًا

عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعَدُّوْهُنَّ فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحًا حَمِيلًا

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menikahi wanita yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu mencampurinya maka sekali-sekali tidak wajib atas mereka 'iddah bagimu yang kamu minta menyempurnakannya. Maka berilah mereka *mut'ah* dan lepaskanlah mereka itu dengan cara yang sebaik- baiknya". (Surah al-Ahzab (33) : 49).

Dalam istilah masyarakat, wanita yang bercerai ini disebut sebagai janda. Oleh kerana wanita belum di'sentuh' oleh suaminya maka ia disebut sebagai janda berhias¹. Antara

¹ Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor, Syeksen 14 (3) EUKINS 2003 disebut bahawa janda berhias adalah wanita yang mendakwa telah bercerai sebelum ia disetubuhi oleh suaminya dalam perkahwinan itu. Lihat laman web rasmi Jabatan Agama Islam Selangor http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=346 (dilihat pada 2 Julai 2012).

maksud janda berhias ialah wanita yang kematian suaminya atau bercerai dengan suaminya sebelum berseketiduran dengan suaminya².

Kehilangan dara berlaku apabila selaput dara iaitu *hymen* telah rosak atau terkoyak. Kerosakan kepada selaput dara menyebabkan seorang wanita kehilangan dara. Oleh itu, banyak sebab yang boleh menyebabkan kerosakan kepada selaput dara.

Antara sebab yang utama ialah hubungan kelamin. Apa jua jenis hubungan kelamin akan merosakkan selaput dara. Kecederaan yang kuat juga mungkin boleh menyebabkan selaput dara menjadi rosak.

Hubungan kelamin berlaku antara suami dan isteri. Ia berlaku antara pasangan kekasih. Ia berlaku secara paksa di mana wanita dirogol. Manakala aktiviti sukan mungkin penyebab namun ia tidaklah penyebab utama. Begitu juga dengan kemalangan.

HUKUM PEMULIHAN DARA

Terdapat perbezaan pendapat dalam menentukan hukum rawatan pemulihan dara. Antara pendapat tersebut ialah haram. Keharaman rawatan pemulihan dara berdasarkan hujah-hujah berikut :

- i. Pendedahan aurat.
- ii. Penipuan terhadap suami.
- iii. Percampuran nasab keturunan.
- iv. Jalan keluar terhadap zina.

Berikut adalah keterangan terhadap hujah-hujah tersebut iaitu :

- i. Pendedahan aurat.

Aurat wanita di hadapan lelaki ajnabi ialah seluruh tubuhnya kecuali muka dan pergelangan tangan. Menurut satu pendapat, pergelangan kaki juga tidak dihukum sebagai aurat. Khilaf iaitu perbezaan pendapat ulama wujud dalam masalah wajah dan pergelangan kaki. Manakala faraj wanita termasuk dalam aurat yang wajib ditutup samada di hadapan lelaki atau wanita. Tiada khilaf ulama dalam kewajipan menutup aurat faraj. Oleh itu, pendedahan faraj untuk rawatan yang tidak termasuk dalam kategori keperluan mendesak atau dharurat adalah haram.

Melihat aurat wanita seperti faraj kerana keperluan mendesak adalah harus. Contohnya seperti ketika proses bersalin adalah diharuskan. Ini demi keselamatan nyawa ibu dan nyawa anak yang bakal dilahirkan. Kaedah fiqah menetapkan³ :

الضرورات تبيح المحرّمات

Lihat *Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984 (Act 303)* (2000), Kuala Lumpur: International Law Book Services, fasal 14, h. 15.

² *Kamus Dewan* (2007), edisi ke 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 606.

³ Jalaluddin 'Abd al-Rahman al-Suyuti (t.t.), *al-Asybah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyyah*, Qaherah: al-Halabi, h. 85.

“Dharurat mengharuskan perkara yang haram”.

Dharurat adalah perkara yang amat besar di mana nyawa manusia boleh terancam jika ia tidak wujud. Kelaparan yang amat sangat hingga membawa kepada kematian termasuk dalam perkara dharurat. Oleh itu, wujud keharusan untuk mengambil makanan haram bagi menyelamatkan nyawa. Walau bagaimanapun, keharusan untuk mengambil benda haram sebagai makanan bukanlah bermaksud boleh makan dengan kadar yang banyak. Sebaliknya ia sekadar yang perlu sahaja bagi menyelamatkan nyawa. Oleh itu, dharurat ditentukan kadarnya secara berpatutan. Oleh itu, wanita yang bersalin tidaklah diharuskan untuk bertelanjang bulat sebaliknya dibuka sekadar keperluan melahirkan anak.

Rawatan pemulihan dara juga tidak termasuk dalam perkara *hajiyat*. Perkara *hajiyat* adalah perkara yang amat perlu tetapi tidaklah sampai kepada tahap dharurat.

Rawatan pemulihan dara tidak termasuk dalam perkara yang dihukum sebagai keperluan mendesak atau dharurat. Ia sekadar untuk membaiki selaput dara sahaja yang mana ia bukanlah satu penyakit yang menyakitkan. Ia dikira termasuk dalam perkara tahap ketiga yang diistilahkan sebagai *tahsiniyyat*. Perkara *tahsiniyyat* adalah perkara yang sekadar untuk mengelokkan keadaan. Maka kerana itu, mendedahkan aurat untuk rawatan pemulihan dara adalah ditegah.

ii. Penipuan terhadap suami.

Rawatan dara adalah satu penipuan kepada suami yang baru kali pertama melakukan hubungan kelamin dengan wanita tersebut yang sah menjadi isterinya. Dengan rawatan dara, wanita yang sudah tidak mempunyai dara akan berjaya menipu suaminya seolah-olah dia masih lagi dara ketika dikahwini. Dalam Islam, penipuan adalah perkara yang ditegah. Sabda Nabi s.a.w.:

مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنَّا

“Sesiapa yang menipu maka dia bukan daripada kami”.

Dalam hadis yang lain, Nabi s.a.w. menyebut tentang sikap benar. Sikap benar membawa kepada kebaikan manakala kebaikan akan membawa kepada syurga. Sebaliknya sikap menipu membawa kepada kejahanatan, manakala kejahanatan membawa kepada neraka. Maka satu penipuan akan mengundang sepuluh lagi penipuan bagi menutup penipuan yang pertama.

iii. Percampuran nasab keturunan.

Rawatan dara boleh menjadi medium kepada percampuran nasab keturunan. Contohnya seorang wanita yang sudah hamil sebelum pernikahan. Kehamilan tersebut berlaku kerana perzinaan. Dengan perzinaan, wanita tersebut telah kehilangan daranya. Bagi menutup aib kerana kehamilan, pernikahan segera dirancang dengan mana-mana lelaki. Sebelum bernikah, rawatan pemulihan dara dilakukan. Apabila pernikahan diaqadkan dan pasangan ini melakukan hubungan kelamin, didapati si isteri

masih dara. Keadaan si isteri yang masih dara menutup langsung bahawa wanita tersebut sudah hamil sebelum pernikahan. Akhirnya anak yang dikandung dinasabkan kepada suami wanita tersebut walaupun anak tersebut daripada benih lelaki yang lain.

Percampuran nasab keturunan merupakan perkara yang serius dalam Islam. Oleh itu, perbuatan menasabkan anak angkat kepada bapa angkat adalah ditegah. Firman Allah :

أَدْعُوهُمْ لِأَبَاءِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا إِبَاءَهُمْ فَإِحْرَانُكُمْ فِي الْدِينِ وَمَوْلَيُكُمْ
وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعْمَدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا

رَحِيمًا

“Panggilah mereka (anak-anak angkat itu) dengan (memakai) nama bapa-bapa mereka. Itulah yang lebih adil pada sisi Allah. Dan jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka (panggilah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu. dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf padanya, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengaja oleh hatimu. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”. (Surah al-Ahzab (33) : 5).

Manakala ditinjau dalam maqasid syariah, perkara ke empat daripada lima prinsip maqasid ialah pemeliharaan nasab. Oleh kerana itu, zina dan jalan ke arah zina adalah ditegah. Berasaskan prinsip untuk memelihara nasab keturunan, maka persenyawaan benih sperma dan ovum wanita yang tidak mempunyai ikatan pernikahan yang sah adalah haram. Walaupun tidak berlaku perzinaan antara lelaki dan wanita, namun persenyawaan tersebut menyebabkan berlaku percampuran nasab keturunan yang tidak sah. Bahkan persenyawaan benih antara lelaki dan wanita yang sudah bercerai juga tidak dibenarkan.

iv. Jalan keluar terhadap zina.

Rawatan pemulihan dara merupakan satu medium kepada wanita yang sudah berzina. Dengan kaedah rawatan pemulihan dara, wanita tidak perlu bimbang dengan masalah dara pada hubungan kelamin yang pertama walaupun secara tidak sah dan tidak halal. Apabila tiba masa untuk bernikah secara syarak, wanita akan melakukan rawatan ini. Hasilnya si suami akan menjangka bahawa si isteri masih dara ketika pernikahan mereka. Oleh kerana itu, setiap perkara yang membawa kepada haram, maka hukumnya adalah haram. Kaedah fiqh menyatakan⁴ :

مَا لَا يَئِمُ اجْتِنَابُ الْمَحْظُورِ إِلَّا بِاجْتِنَابِهِ فَهُوَ مَحْظُورٌ

⁴ Muhammad ibn 'Abd al-'Aziz al-Musnad (Dr.) (2007), *al-Qawa'id al-Hisan Min Kalam Syaikh al-Islam Ahmad ibn Taymiyyah*, Riyad: Dar al-'Asimah, h. 89.

“Apa yang tidak sempurna bagi menjauhi perkara haram melainkan dengan menjauhinya maka ia juga adalah haram”.

Berdasarkan kaedah ini, zina hukumnya adalah haram. Rawatan pemulihan dara akan menutup pintu keinsafan daripada perzinaan. Kesannya masyarakat tidak bimbang dengan perzinaan. Ini kerana kehilangan dara atau kerosakan selaput dara boleh dibaiki. Maka apabila tiba masanya untuk pernikahan menurut syarak, rawatan dilakukan. Oleh itu, tindakan untuk menjauhi zina tidak sempurna melainkan jika rawatan pemulihan dara juga ditegah. Maka berdasarkan kaedah ini, rawatan pemulihan dara adalah ditegah.

Walau bagaimanapun, wujud pendapat yang mengharuskan rawatan pemulihan dara⁵. Hukum keharusan ini berdasarkan hujah-hujah berikut :

- i. Tiada nas syarak yang menegah.

Tiada nas syarak yang menegah perbuatan tersebut. Apabila tiada nas syarak yang menegah, maka ia kembali kepada hukum asal iaitu harus. Ini berasaskan kepada kaedah⁶:

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ

“Asal sesuatu perkara adalah harus”.

- ii. Memuaskan suami.

Wanita melakukan rawatan pemulihan dara dengan niat untuk memuaskan suami dalam hubungan kelamin. Wanita yang sudah lama bernikah mungkin bertujuan untuk mengembalikan kenangan malam pertama bersama suami. Begitu juga wanita janda yang ingin bernikah semula dengan lelaki yang lain.

PENDAPAT TERPILIH

Berdasarkan dua pendapat yang mengharamkan rawatan pemulihan dara dan pendapat yang mengharuskan, pendapat yang terpilih adalah pendapat yang meraikan keperluan. Maka hukumnya bukanlah haram secara mutlak dan bukanlah harus secara mutlak.

Pendapat yang mengharamkan rawatan pemulihan dara mempunyai asas yang lebih kuat. Manakala pendapat yang menyatakan harus dengan berdasarkan kaedah asal

⁵ Sa'du al-Din Mus'ad al-Hilali (Dr.) (2010), *al-Thalathunat fi al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah*, Qaherah: Maktabah Wahbah, h... 31 – 32.

⁶ Jalaluddin 'Abd al-Rahman al-Suyuti (t.t.), *op.cit.*, h. 59; 'Ali Ahmad al-Nadawi (2000), *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Damsyiq: Dar al-Qalam, hh. 121 – 122.

sesuatu adalah harus adalah diakui kebenarannya. Namun dalam isu hubungan kelamin dan kemaluan, asal hukumnya adalah haram. Ini difahami dalam kaedah⁷ :

الأَصْلُ فِي الْأَبْضَاعِ التَّحْرِيمُ

“Asal hukum dalam faraj kemaluan adalah keharaman”.

Walaupun kaedah ini tidak khusus dalam isu ini, namun ruh daripada kaedah ini adalah sikap berhati-hati.

Manakala hujah untuk memuaskan suami dalam hubungan kelamin antara mereka tidaklah memberikan suatu keharusan untuk rawatan pemulihan dara. Ini kerana rawatan pemulihan hanya dapat bertahan sekali sahaja. Di sana terdapat pelbagai kaedah perubatan yang boleh diamalkan. Antaranya kaedah rawatan tangas yang dikatakan boleh membersihkan alat sulit wanita dan memberikan kekuatan kepadanya. Kaedah tangas tidak sampai kepada tahap pendedahan aurat.

Berdasarkan asas bahawa ada keharaman bagi sesetengah golongan wanita dan ada keharusan, maka golongan berikut perlu diperhatikan sebelum rawatan. Berikut beberapa wanita yang ditegah daripada melakukan rawatan pemulihan dara :

- i. Isteri yang ingin mengembalikan kenangan malam pertama mereka. Mengembalikan kenangan malam pertama adalah baik namun ia tidaklah mengharuskan rawatan pemulihan dara. Mengembalikan kenangan malam pertama tidaklah sampai ke tahap dharurat yang mengharuskan aurat didedahkan kepada doktor dan jururawat.
- ii. Wanita janda dengan sebab kematian suami atau bercerai. Keadaannya yang janda sudah dimaklumi oleh masyarakat. Ketiadaan dara bukanlah dosa dan aib dalam situasi ini.
- iii. Wanita pelacur yang sudah dikenali dengan maksiatnya.

Berikut pula adalah beberapa wanita yang ada kemungkinan hukum keharusan untuk melakukan rawatan pemulihan dara :

- i. Kerosakan selaput dara bukan kerana maksiat sebaliknya kerana sukan, kemalangan dan lain-lain. Tujuan rawatan ini bagi menutup sangkaan buruk pihak suami bahawa si isteri sudah tidak dara dan tidak suci ketika dinikahi. Walau bagaimanapun, kegiatan wanita yang aktif bersukan boleh diterangkan sebagai sebab kepada kehilangan selaput dara. Maka ia tidak memerlukan kepada rawatan pemulihan dara. Dalam hal ini, dara seseorang wanita bukan bergantung kepada fizikal tetapi suatu makna bahawa wanita tersebut tidak pernah melakukan hubungan kelamin sebelum pernikahannya. Walaupun selaput daranya sudah rosak, ia masih dikira sebagai dara.
- ii. Wanita yang dirogol. Keadaannya yang dirogol dan tidak diketahui oleh masyarakat. Maka apabila berlakunya pernikahan, keadaan tiadanya dara boleh mengundang tohmahan. Walau bagaimanapun, isu ini sewajarnya ditangani dengan sikap berterus-terang.

⁷ Jalaluddin ‘Abd al-Rahman al-Suyuti (t.t.), *op.cit.*, h. 61.

- iii. Wanita yang terlanjur dan telah bertaubat. Maksiat zinanya tidak diketahui oleh sesiapa melainkan dirinya dan pasangannya sahaja. Apabila telah bertaubat dan tiba masa untuk pernikahan dengan lelaki yang lain, perasaan takut pernikahan gagal kerana ketiadaan dara menyelubungi dirinya. Maka bagi menjaga hubungan rumahtangga agar berkekalan, maka diharuskan untuk menjalani rawatan pemulihan dara. Ia juga termasuk dalam usaha menutup aib di dunia. Walau bagaimanapun, sikap berterus terang adalah lebih baik dan selamat.
- iv. 'Uruf masyarakat yang memandang tinggi terhadap dara wanita pada malam pertama pernikahan. Terdapat adat masyarakat yang akan mengisytiharkan samada wanita tersebut masih dara atau tidak. Maka wanita yang telah kehilangan dara diharuskan untuk menjalani rawatan ini agar aib itu tidak didedahkan. Walau bagaimanapun, adat masyarakat di negara ini tidak berlaku sedemikian rupa.

KESIMPULAN

Adalah selamat dan wajar untuk memegang pendapat tentang keharaman rawatan pemulihan dara. Ini adalah hukum asal. Walau bagaimanapun, hukum keharusan diberikan dalam beberapa kes tertentu sahaja. Keharusan ini tidak seharusnya digunakan dengan begitu mudah.